



Ruj. Kami : NPRA.600-1/9/12 (4) Jld. 1

Tarikh : 10 Jun 2026

## **SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN PRODUK**

### **SEMUA PERSATUAN BERKENAAN (SEPERTI DI SENARAI EDARAN)**

Tuan/Puan,

### **PEKELILING BERKAITAN FORMAT TARIKH LUPUT PADA LABEL PRODUK**

Saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Seperti yang tuan/puan sedia maklum, pengilang produk berdaftar menggunakan beberapa kaedah atau format untuk menyatakan tarikh luput pada label produk (*immediate container* dan *outer carton*) seperti berikut:

- a) **Format hari/bulan/tahun (DD-MM-YYYY)**, contoh: 31-05-2028  
(kaedah terbaik dan paling tepat)
- b) **Format bulan/tahun (MM-YYYY)**, contoh: 05-2028  
(secara praktisnya, pihak fasiliti akan mengguna pakai hari terakhir bulan tersebut sebagai tarikh luput sebenar iaitu 31 Mei 2028)

3. Walau bagaimanapun, kekeliruan sering berlaku di lapangan apabila terdapat percanggahan maklumat tarikh luput antara dokumen dan label produk, seperti situasi berikut:

- **Label produk:** 05-2028
- **Delivery Order (DO):** Tarikh lain dalam bulan Mei 2028, contoh: 1 Mei 2028

Perbezaan maklumat ini menyebabkan pihak fasiliti terpaksa mengemukakan kuiri, sekali gus melambatkan proses pengesahan dan penerimaan produk.

4. Sehubungan dengan itu, bagi memastikan ketepatan maklumat tarikh luput yang disampaikan kepada pesakit serta mengelakkan kekeliruan di lapangan, Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA) ingin menarik perhatian semua Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) dan persatuan industri yang berkaitan mengenai perkara-perkara berikut:

a) **Penyelarasan Format MM-YYYY**

Penggunaan format tarikh luput bulan/tahun (MM-YYYY) adalah membawa maksud bahawa tarikh luput produk adalah pada **hari terakhir** bulan tersebut. Ini adalah selaras dengan amalan di negara-negara lain termasuk negara rujukan.

b) **Galakan Penggunaan Format DD-MM-YYYY**

PRH/pengilang adalah digalakkan untuk menggunakan format hari/bulan/tahun (DD-MM-YYYY). Bagi produk yang mempunyai tarikh luput spesifik, tarikh luput sebenar hendaklah dinyatakan dengan jelas dan konsisten pada *outer carton*, *immediate container* dan semua dokumen berkaitan.

Perhatian serta kerjasama tuan / puan berkaitan perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DR. NORAIDA BINTI MOHAMAD ZAINOOR) RPh. 2289

Timbalan Pengarah

b.p Pengarah

Bahagian Regulatori Farmasi Negara

Kementerian Kesihatan Malaysia

nmz/sab/phi  
✉ suhallah@npra.gov.my / hlphuar@npra.gov.my  
☎ +603 - 7883 5463 / 5468

s.k.

1. Pengarah Bahagian Penguatkuasaan Farmasi, KKM
2. Pengarah Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi, KKM
3. Pengarah Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi, KKM
4. Timbalan Pengarah Pusat Komplians & Kawalan Kualiti, NPRA, KKM
5. Timbalan Pengarah Pusat Penilaian Produk & Kosmetik, NPRA, KKM
6. Timbalan Pengarah Pusat Koordinasi & Perancangan Strategik Regulatori,  
NPRA, KKM

**SENARAI EDARAN:**

1. Presiden  
Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA)  
C-18-2, Block C 3 Two Square (Dataran 3 2),  
No. 2, Jalan 19/1,  
46300 Petaling Jaya, Selangor.
  
2. Presiden  
Persatuan Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI)  
Global Business & Convention Centre  
Mezzanine Floor, Block A,  
No. 8, Jalan 19/1, Section 19,  
46300 Petaling Jaya, Selangor.
  
3. Presiden  
Malaysian Association of Pharmaceutical Suppliers (MAPS)  
c/o Medispec (M) Sdn Bhd,  
B-1-7, Block B,  
Jalan SS 25/22, Mayang Avenue,  
Taman Mayang,  
47301 Petaling Jaya, Selangor.